

ke-36 terbaik

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Universiti Putra Malaysia (UPM) membuat lonjakan sebanyak 13 anak tangga dan berada di kedudukan ke-36 universiti terbaik di Asia dalam 'QS Asia University Ranking 2018'.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, pada tahun lepas universiti itu berada di kedudukan ke-49 dan kekal menjadi universiti kedua terbaik di Malaysia selepas Universiti Malaya (UM) sejak dua tahun berturut-turut.

"Pencapaian terbaik UPM dalam kedudukan itu ialah indikator pensyarah berkelulusan ijazah kedoktoran (PhD) tertinggi di negara ini, dan juga mendapat skor tertinggi Malaysia bagi indikator pertukaran pelajar keluar masuk.

"Lima indikator yang berada pada kedudukan ke-50 terbaik Asia iaitu Reputasi Akademik, Fakulti Antarabangsa, Pelajar Antarabangsa, Pertukaran Masuk dan Pertukaran Keluar Pelajar juga menyumbang kepada prestasi universiti ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, mengikut kedudukan tersebut yang beroperasi di United Kingdom (UK), sebanyak 27 institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia tersenarai dalam 250 kedudukan teratas universiti terbaik di Asia.

"UPM komited untuk memperkukuhkan kualiti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan bagi menjadikan unversiti terbabit sebagai reputasi antarabangsa.

"Pencapaian ini diharapkan dapat membantu dalam meningkatkan lagi kecemerlangan UPM yang pada akhirnya akan memberi sumbangan yang bermakna kepada kemajuan masyarakat dan negara," katanya.